

Buang bekas racun jejas sistem saliran

» **SAM gesa MADA, JPS ambil tindakan atasi masalah**

Oleh Rudy Syareme Sheriffudin

bhnews@mediaprima.com.my

■ **Georgetown**

Sikap segelintir pesawah di Kedah yang membuang bekas racun termasuk beg baja ke dalam sungai boleh mencemarkan sistem saliran dan sumber air, termasuk mengancam pembiakan ikan air tawar di kawasan berkenaan.

Presiden Sahabat Alam Malaysia (SAM), SM Mohamed Idris, berkata tinjauan SAM mendapati banyak botol racun serta beg plastik baja te-

rapung di permukaan air di beberapa saliran dan sungai di dalam dan luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Racun diharam

Malah, katanya, beberapa jenis racun yang diharamkan penggunaannya di negara ini didapati masih digunakan pesawah sama ada di kawasan MADA dan luar MADA.

Beliau berkata, pihaknya percaya ancaman makhluk perosak yang serius seperti tikus, siput gondang dan juga pembiakan rumput sambau menyumbang kepada aktiviti penggunaan racun itu.

"Masalah pencemaran air di kawasan sawah menjadi serius apabila ada segelintir pihak menggunakan bahan toksik bagi membunuh rumpai, selain membersihkan saliran dan sungai di negeri ini.

"Sisa rumput yang mati

pula mendap menyebabkan saliran dan sungai menjadi cetek manakala tebing sungai didapati runtuh dan mengalami hakisan. Jika dibiarkan berterusan, lama kelamaan ia boleh mencetuskan ancaman banjir," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Sehubungan itu, SM Mohamed menggesa MADA, Jabatan Pertanian serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengambil tindakan segera bagi mengawal masalah berkenaan daripada berterusan bagi mengelakkan keadaan alam sekitar terjejas lebih teruk pada masa depan.

"Penggunaan racun tanpa kawalan akan mengancam kesihatan pesawah termasuk kepupusan ikan air tawar yang menjadi sumber pendapatan dan protek penduduk luar bandar, selain ancaman banjir yang lebih buruk mungkin berlaku," katanya.



“**SAM percaya ancaman makhluk perosak yang serius seperti tikus, siput gondang dan juga pembiakan rumput sambau menyumbang kepada aktiviti penggunaan racun itu**”

SM Mohamed Idris
Presiden Sahabat Alam Malaysia